

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATO' SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sejauh manakah pelaksanaan, perjalanan dan kejayaan yang dikecapi melalui program "Komuniti Sihat Perkasa negara(KOSPEN)" dan nyatakan kos yang diperuntukkan untuk menaja program terbabit.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 April 2016, sejumlah 4,841 lokaliti KOSPEN telah diwujudkan dengan 33,049 orang sukarelawan telah dilatih. Daripada keseluruhan jumlah lokaliti terbabit, 93.4% merupakan lokaliti luar bandar. Tunggak utama pelaksanaan aktiviti KOSPEN adalah sukarelawan yang terdiri dari masyarakat di lokaliti terbabit. Pelaksanaan KOSPEN mensasarkan 10,000 lokaliti dengan 50,000 sukarelawan dilatih. Sukarelawan yang terlatih mampu menjalankan tugas advokasi dan promosi kesihatan, pemangkin kepada penerapan polisi sihat dan pewujudan persekitaran yang membantu amalan tingkah laku sihat. Sukarelawan ini juga mampu menjalankan pemeriksaan asas kesihatan yang terdiri dari pengukuran tekanan darah, paras glukos darah, mengira Indeks Jisim Tubuh (*Body Mass Index*) serta status merokok. Kes-kes yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak kesihatan akan dirujuk ke klinik kesihatan untuk pengesahan dan rawatan lanjut sekiranya perlu.

Bagi tujuan latihan, bekalan peralatan saringan dan pelaksanaan aktiviti KOSPEN di semua lokaliti terbabit Kementerian Kesihatan telah membelanjakan sejumlah RM 36.9 juta semenjak ianya mula dilaksanakan pada tahun 2013.